

BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN PROSIDING BERINDEKS (PYPB)

BUTIRAN PEMOHON	
NAMA PENGARANG KORESPONDEN (corresponding author)	
NO. PEKERJA	
AFILIASI PENUH (seperti di dalam prosiding)	
NAMA PENGARANG BERSAMA	AFILIASI PENUH (seperti di dalam prosiding)
1.	
2.	
3.	
4.	
BUTIRAN PROSIDING BERINDEKS	
TAJUK PROSIDING	
NAMA PERSIDANGAN/KONFEREN	
JENIS PENGINDEKSAN (Scopus atau Web of Science)	
ISSN/e-ISSN	
NAMA PENERBIT PROSIDING	
JUMLAH BAYARAN YANG DIPOHON (DALAM RINGGIT MALAYSIA)	
NILAI YURAN (RM) (seperti tertera di penyata bank)	
LAMPIRAN PERMOHONAN	
SILA TANDA (✓) & LAMPIRKAN BUKTI ASAL/CETAKAN BAGI PERKARA BERIKUT (Semua dokumen MESTI ditandatangan dan disahkan oleh PTj. Borang permohonan layak ditolak sekiranya lampiran tidak dipenuhi sepenuhnya)	
1.	Bukti lengkap terbitan prosiding di terbitan prosiding berindeks (Seperti tajuk prosiding dimohon, semua mukasurat prosiding dan bukan deraf prosiding).
2.	Bukti penyenaraian prosiding berindeks di Scopus atau Web of Science (WoS) dan juga di UiTM Expert pemohon (pengarang koresponden).
3.	Bukti resit dan invoice dari penerbit prosiding/konferen berkenaan.
4.	Bukti penyata bank yang menunjukkan transaksi pembayaran kepada pihak penerbit.

SILA TANDA (✓) & LAMPIRKAN BUKTI ASAL/CETAKAN BAGI PERKARA BERIKUT

(Semua dokumen MESTI ditandatangan dan disahkan oleh PTj. Borang permohonan layak ditolak sekiranya lampiran tidak dipenuhi sepenuhnya)

5.	Bukti sumbangan pemohon kepada Tabung Amanah Dana Kecemerlangan Pendidikan (DKP) (mengikut kriteria terkini PYPB seperti tertera di manual PYPB).	
6.	Bukti kehadiran ke persidangan/konferen, sekurang-kurangnya dua (2) gambar pembentangan termasuk sijil penyertaan atau sijil penghargaan/anugerah (untuk tujuan pelaporan ke pemberi dana PYPB).	

PERAKUAN PEMOHON**SILA TANDA (✓) TERHADAP PERAKUAN BERIKUT**

(Permohonan layak ditolak sekiranya perakuan tidak dipenuhi sepenuhnya atau tidak benar)

SAYA MENGAKU BAHAWA:

1.	saya adalah pengarang koresponden (<i>corresponding author</i>) prosiding berindeks ini (seperti tertera di terbitan prosiding),	
2.	saya TIDAK mempunyai sumber (geran aktif) dan tidak menerima bantuan kewangan. Sekiranya sebaliknya , sila nyatakan justifikasi keperluan pembiayaan:	
3.	saya TIDAK mengemukakan tuntutan berulang kepada UiTM atau pihak ketiga,	
4.	saya TELAH menyemak dan mengesahkan bahawa prosiding berindeks ini adalah BUKAN diterbitkan jurnal/penerbit pemangsa mengikut maklumat dari PTAR berkenaan Penerbit Pemangsa, sekurang-kurangnya dari ' <i>Beall's List of Potential Predatory Journals and Publishers</i> ',	
5.	prosiding adalah BUKAN yang diterbitkan oleh Hindawi, Frontier atau MDPI seperti arahan Edaran Kementerian Pendidikan Tinggi (13 Julai 2023),	
6.	saya memahami bahawa permohonan saya boleh ditolak atau saya boleh dimajukan untuk tindakan tatatertib sekiranya maklumat serta dokumen yang dikemukakan didapati tidak benar mengikut kriteria PYPB dan mengakui sebarang keputusan adalah muktamad .	

Tandatangan dan Cop Pengarang koresponden	Tandatangan dan Cop Ketua PTj	Tandatangan dan Cop Ketua UEP/Pengarah RMC
Nama:	Nama:	Nama:
Tarikh:	Tarikh:	Tarikh:



Pembangunan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB)

Tahun 2025

**Pusat Pengurusan Penyelidikan
*Research Management Centre (RMC)***

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

SENARAI KANDUNGAN

Visi dan Misi Pembiayaan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB)	3
---	---

BAHAGIAN 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	4
1.2 Falsafah	4
1.3 Tujuan	4
1.4 Kuatkuasa pembiayaan	4

BAHAGIAN 2 PERMOHONAN

2.1 Kriteria pemohon	5
2.2 Kriteria prosiding	5
2.3 Kriteria pembayaran	6
2.4 Penutup	6

BAHAGIAN 3 RUJUKAN DAN CARTA ALIR

3.1 Rujukan	7
3.2 Carta alir	8

VISI DAN MISI PYPB**VISI**

Mendukung penerbitan prosiding yang berindeks di Scopus atau Web of Science (WoS)
sebagai bukti hasil penyelidikan yang berkualiti dan berdaya saing.

MISI

Membudaya, memperkasa dan menggalakkan kapasiti penerbitan berimpak dengan
peningkatan sitasi yang seterusnya memperkasa visibiliti penyelidik dan UiTM di peringkat
global. Melalui penerbitan, ilmu hasil penyelidikan berkualiti mampu menyumbang terhadap
peningkatan berterusan kualiti penyelidikan yang dinamik dan lestari.

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen kriteria permohonan Pembiayaan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB) disediakan adalah sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan PYPB di bawah seliaan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

1.2 FALSAFAH

PYPB berupaya menggalakkan penerbitan prosiding berindeks di Scopus atau Web of Science (WoS) oleh penyelidik-penyelidik UiTM khususnya.

1.3 TUJUAN

Pembiayaan ini bertujuan membantu pengarang prosiding berindeks menampung kos penerbitan prosiding dan dapat menyumbang ke arah perkembangan ilmu yang dinamik di peringkat global. Prosiding berindeks adalah bermaksud penulisan hasil dari penyelidikan di prosiding berindeks.

Secara dasar, penyelidik bermula dengan menulis, menerbit, mengindeks, mendaftar terbitan prosiding dan seterusnya memohon tuntutan kos penerbitan ini mengikut kriteria terkini PYPB.

1.4 KUATKUASA PEMBIAYAAN

Kriteria baharu PYPB berkuatkuasa dengan pengumuman dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI) dan pembiayaan PYPB adalah tertakluk kepada peruntukan semasa.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pembentukan PYPB dikategorikan oleh kriteria pemohon, kriteria prosiding dan kriteria pembayaran.

2.1 KRITERIA PEMOHON

- 2.1.1** Pemohon adalah staf akademik tetap atau kontrak yang berstatus aktif.
- 2.1.2** Pemohon merupakan pengarang koresponden (*corresponding author*) prosiding.
- 2.1.3** Pemohon hanya dibuka kepada pengarang yang tiada geran penyelidikan aktif.
- 2.1.4** Pemohon perlu mendapat pengesahan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).
- 2.1.5** Pemohon perlu menyumbang ke Tabung Amanah Dana Kecemerlangan Pendidikan (DKP) sebanyak minimum RM30.00 sebulan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau sejumlah besar sekurang-kurangnya RM180. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan gaji di [FINePortal UiTM](#).
- 2.1.6** Pemohon perlu melampirkan bukti kehadiran ke persidangan/konferen bagi tujuan rekod penerbitan prosiding. Bukti adalah sekurang-kurangnya dua (2) gambar pembentangan termasuk sijil penyertaan atau sijil penghargaan/anugerah. Dokumen ini diperlukan untuk pelaporan berkala kepada pemberi dana PYPB.

2.2 KRITERIA PROSIDING

- 2.2.1** Prosiding adalah telah berindeks Scopus atau Web of Science (WoS).
- 2.2.2** Prosiding telah disahkan di dalam sistem Portal for Research and Innovation Management ([PRIMe](#)) dan tersenarai di [UiTM Expert](#) pemohon.
- 2.2.3** Prosiding adalah bukan yang diterbitkan oleh Hindawi, Frontier atau MDPI. Larangan Universiti Awam menggunakan dana kerajaan untuk menerbitkan sebarang penerbitan di tiga (3) penerbit antarabangsa adalah dirujuk melalui Arahan Edaran Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 13 Julai 2023.
- 2.2.4** Prosiding bukan diterbitkan oleh penerbit pemangsa. Sila rujuk [panduan perpustakaan untuk mengenal pasti jurnal dan penerbit pemangsa serta lain-lain maklumat berkaitan](#) di laman sesawang Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM. Rujukan terkini berkaitan penerbitan pemangsa berpotensi (contohnya senarai Beall dan lain-lain) akan dirujuk mengikut arahan semasa.

2.2.5 Prosiding perlu mempunyai bahagian penulisan penghargaan ('*acknowledgement*'). Penghargaan boleh diberikan terhadap sebarang bentuk sumbangan kepada penyelidikan sehingga terbitan prosiding berindeks berjaya termasuk sekurang-kurangnya kepada UiTM.

2.3 KRITERIA PEMBAYARAN

- 2.3.1** Yuran penerbitan prosiding kepada penerbit prosiding hanya layak dibiayai sehingga RM1,500.00 sahaja.
- 2.3.2** Yuran penerbitan prosiding tidak dibiayai oleh mana-mana sumber yang lain (sama ada dalam atau luar UiTM).
- 2.3.3** Yuran penerbitan prosiding telah dibuat kepada penerbit prosiding terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan PYPB.
- 2.3.4** Lain-lain jenis caj penerbitan prosiding seperti kepada pengajur persidangan/konferensi, yuran pemprosesan prosiding (*proceeding paper processing fee*) sebelum keputusan penerimaan atau caj baca pruf (*proofreading*) tidak akan dipertimbangkan.
- 2.3.5** Permohonan perlu dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Pembiayaan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB) dengan lampiran bukti, perakuan pemohon dan pengesahan yang lengkap.
- 2.3.6** Permohonan lengkap yang telah disahkan oleh PTj dengan lampiran bukti perlu dihantar ke Sistem Serahan PYPB (<https://forms.gle/VaL19NxAMt36qwp77>) untuk proses pembayaran.
- 2.3.7** Sebarang pertanyaan atau makluman lanjut, sila hubungi menerusi emel berikut ueprmc@uitm.edu.my atau merujuk di laman sesawang di RMC (Ethics and Publication Unit), UiTM.

2.4 PENUTUP

Sebarang keputusan adalah muktamad. Sebarang maklumat dan dokumen berkaitan dengan permohonan, sekiranya didapati tidak benar, pemohon boleh dimajukan untuk tindakan tatatertib.

BAHAGIAN 3

RUJUKAN DAN CARTA ALIR

3.1 RUJUKAN

Tatacara pembiayaan dan kelulusan adalah melalui dokumen rujukan:

- i. *Predatory Journals* dari laman sesawang Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM.
- ii. *Beall's List of Predatory Journals and Publishers* dari laman sesawang Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM.
- iii. Arahan Edaran Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 13 Julai 2023; Larangan menggunakan dana kerajaan untuk menerbitkan dalam tiga penerbit antarabangsa tersenarai: Hindawi, Frontier dan MDPI.
- iv. UiTM Expert, UiTM
- v. Portal for Research and Innovation Management (PRIMe), UiTM

3.2 CARTA ALIR

Carta Alir PYPB merangkumi perincian secara asas proses/aktiviti yang terlibat bilamana pemohon berhasrat membuat permohonan ke RMC, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI), UiTM.

Pegawai yang bertanggungjawab (PYB) melibatkan pemohon PYPB, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) kepada pemohon PYPB, Ketua atau pentadbir Unit Etika dan Penerbitan (UEP) UiTM, Ketua PTj atau Ketua Unit RMC dan Ketua atau pentadbir Unit Kewangan (UK) UiTM (berkaitan).

PYB	CARTA ALIR	PROSES/AKTIVITI	DOKUMEN RUJUKAN
		Mula.	Borang permohonan PYPB, bukti-bukti permohonan, perakuan pemohon, tandatangan pemohon dan tandatangan Ketua PTj.
Pemohon		Melengkapkan borang permohonan PYPB dan mendapat sokongan Ketua PTj.	
Ketua PTj		Menyemak, mengesahkan dokumen sokongan (bukti) permohonan. Menyokong atau tidak menyokong permohonan.	Kriteria PYPB (Manual PYPB).
UEP		Menerima borang permohonan dan menyemak kelayakan pemohon, dokumen sokongan dan lampiran permohonan.	Kriteria PYPB (Manual PYPB).
RMC		Pelaporan dan pengesyoran permohonan.	Laporan semakan permohonan PYPB.
UK		Proses pembayaran yuran/tuntutan.	Dokumen kelulusan.
		Tamat.	

```

graph TD
    Start(( )) --> Applicant[Applicant]
    Applicant --> Complete[Melengkapkan borang permohonan PYPB dan mendapat sokongan Ketua PTj.]
    Complete --> Check[Menyemak, mengesahkan dokumen sokongan (bukti) permohonan. Menyokong atau tidak menyokong permohonan.]
    Check --> UEP[UEP]
    UEP --> Verify[Menerima borang permohonan dan menyemak kelayakan pemohon, dokumen sokongan dan lampiran permohonan.]
    Verify --> RMC[RMC]
    RMC --> Report[Pelaporan dan pengesyoran permohonan.]
    Report --> UK[UK]
    UK --> Check
    Check --> End(( ))
  
```